

Hanya tiga minit

MyTeksi labur RM500,000 bangun aplikasi tempahan teksi mudah alih guna GPS, 2G, 3G

>>Oleh Husain Jahit
husain@hmetro.com.my

MYTEKSI Sdn Bhd, syarikat teknologi maklumat dan komunikasi melabur RM500,000 untuk membangunkan lalu memperkenalkan aplikasi penumpang MyTeksi, perkhidmatan tempahan teksi mudah alih pertama seumpamanya di Malaysia menggunakan teknologi Sistem Kedudukan Global (GPS) dan rangkaian telekomunikasi tanpa wayar generasi kedua dan ketiga (2G/3G).

Mendapat kerjasama daripada Maxis sebagai rakan kongsi teknologi, MyTeksi memudahkan pengguna mendapatkan teksi tidak kira di mana mereka berada pada bila-bila masa hanya menggunakan telefon pintar sama ada berasaskan iOS atau Android atau dengan mengirim sistem pesanan ringkas (SMS).

Pengurus Besarannya, Chew Wei Chuan berkata, pengguna perlu memindah turun aplikasi MyTeksi terlebih dulu dari Apple Apps Store atau Google Play untuk dipasang ke dalam telefon bimbit pintar dan tablet bagi mendapatkan



MUDAH...Syed Hamid bersama pemandu teksi, A. Ganisan menunjukkan aplikasi MyTeksi pada telefon pintar.

perkhidmatan berkenaan. "Pengguna akan mendapat pengesahan tempahan dalam tempoh tiga minit dan satu pesanan ringkas dikirim lengkap dengan nombor plat teksi, nama pemandu, jangkaan waktu sampai dan jangkaan nilai tambang untuk memastikan keselamatan serta ketelusan perkhidma-

tan ini," katanya pada majlis pelancarannya di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir ialah Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar; Pengerusi Comfort Communication Sdn Bhd (Comfort Taxi) Datuk Aslah Abdullah; Naib Presiden Kanan, Perkhidma-

tan Perniagaan Maxis, Fitri Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif MDeC, Datuk Badlisham Ghazali.

Menurut Chew, pihaknya mengharapkan sebanyak mungkin pengguna memindah turun aplikasi ini kerana ia amat memudahkan tanpa perlu membuat panggilan dan menunggu lebih lama.

"Kami menjangka mengendalikan sehingga 500 permintaan teksi sehari dan sehingga kini ada 120 teksi turut serta dalam inisiatif ini. Angka itu dijangka bertambah dengan pesat terutamanya di kalangan 8,000 ahli teksi Comfort di seluruh Lembah Klang," katanya.

Sementara itu, menurut Aslah, perkhidmatan itu membolehkan penumpang menempah teksi menggunakan sebarang peranti mudah alih lalu dipadankan dengan teksi yang paling hampir dengan mereka untuk pengesahan tempahan yang segera dan pasti dapat.

"Kemajuan ini menjanjikan penambahbaikan perkhidmatan serta pengalaman kepada penumpang keseluruhannya termasuklah pelancong.

"Justeru, saya menyarankan supaya bukan saja pemandu teksi Comfort, malah semua syarikat teksi, persatuan pemandu teksi atau pemilik teksi individu untuk menyertai inisiatif ini demi mengembalikan keyakinan penumpang terhadap perkhidmatan teksi di seluruh negara," katanya.

NB Motors Trading sasar jualan RM30j

NB Motors Trading Sdn Bhd (NB Motors Trading), pengedar tunggal motosikal Daiichi dari United Kingdom menyasarkan nilai jualan sehingga RM30 juta pelbagai model menjelang akhir tahun ini.

Pengurus Besarannya, Johnie H E Ngu berkata, pengenalan siri Daiichi, Megelli 250M, Megelli 250SR, Megelli 250RR dan CFMOTO 650NK bakal menyumbang 60 peratus kepada sasaran berkenaan tahun ini.

Katanya, siri model berkenaan turut dijangka menyumbang kepada peningkatan penguasaan pasarnya kepada 1.5 peratus berbanding sebelum ini kurang daripada satu peratus di pasaran Malaysia.

"Syarikat yakin meningkatkan penguasaan pasaran Daiichi di Malaysia dengan pengenalan siri terbaru ini kerana ia didasarkan kepada penunggang motosikal yang gemarkan gaya lasak dan golongan 'pertengahan,'" katanya.

8 pembida sain IPs

LAPAN pembida membabitkan 14 syarikat menandatangani Kesepakatan Integriti (IPs) bersama Suruhanjaya Tenaga bagi proses bidaan antarabangsa untuk pembaruan kapasiti penjanaan tenaga baru projek loji kuasa kombinasi kitaran turbin gas (CCGT) di Prai, Pulau Pinang.

Antaranya ialah CI Holdings Berhad, Teknologi Tenaga Perlis Consortium Sdn Bhd, Daelim Industrial Co Ltd, Malakoff Corporation Berhad, Petronas Power Sdn Bhd, Mitsubishi Corporation, YTL Power International Berhad, Marubeni Corporation dan Pendekar Power Sdn Bhd.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui berkata, pembida terbabit disenarai pendek daripada Pembidaan Kompetitif Antarabangsa (ICB).



KERJASAMA...(dari kiri) Eric, Frankie, Maya Karin and Mohamed Shah Redza selepas pelancaran kempen sempena Hari Alam Sekitar.

Jeep yakin kukuh

JORDONE Corporation Sdn Bhd (Jordone), pengeluar pakaian tempatan yakin jualan satu produk antarabangsanya iaitu Jeep terus kukuh di pasaran tempatan khusus bagi tempoh tiga bulan bermula Julai depan.

Ini berikutan kempen penjagaan alam sekitar yang diadakan dengan kerjasama Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) untuk menggalakkan pelanggannya membeli sambil menyumbang kepada gaya hidup mesra alam.

Ketua Pegawai Operasinya, Eric Loke berkata, pihaknya turut menampilkan koleksi pakaian terbaru Jeep sepanjang kempen berlangsung dengan lima pe-

ratus daripada hasil jualan disumbangkan kepada Tabung Hijau MNS.

"Jeep jenama yang cukup sinonim dengan gaya hidup lasak dan mencabar, maka sempena Hari Alam Sekitar, semalam, syarikat anjurkan kempen khas ini untuk menggalak serta menyedarkan pelanggan supaya menghargai alam," katanya selepas pelancaran kempen sempena Hari Alam Sekitar di Balakong, Selangor.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Jordone, Frankie Seow; Pengarah Eksekutif MNS, Mohamed Shah Redza Hussein dan Duta MNS yang juga pelakon terkenal, Maya Karin.



HANDLE SET

RAKAN KESELAMATAN ANDA





1

www.stguchi.com.my

TEL : 603-8064 5888 FAX : 603-8064 5977

Boleh didapati di kedai logam dan kedai kunci istimewa utama.